

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

Kes HFMD naik 1.3 kali ganda

Johor Bahru: Pusat penjagaan kanak-kanak di negeri ini diminta meningkatkan langkah berjaga-jaga susulan kes Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) naik 1.3 kali ganda pada minggu epidemiologi ke 22 berbanding sebelumnya.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri Johor, Ling Tian Soon berkata secara keseluruhan, kumulatif kes HFMD di negeri ini menunjukkan sebanyak 1,656 kes dan Johor Bahru mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 607 kes.

Diikuti Tangkak (204 kes), Kota Tinggi (167 kes), Batu Pahat (144 kes),

Kluang (136 kes), Segamat (121 kes), Pontian (104 kes), Kulai (101 kes), Muar (67 kes) dan Mersing (lima kes).

"Di Johor, kebanyakan kes HFMD berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur 0-6 tahun iaitu sebanyak 1,293 kes, diikuti oleh kumpulan umur 7-12 tahun iaitu sebanyak 202 kes, dan selebihnya adalah berumur lebih daripada 13 tahun.

"Sehingga tempoh itu sebanyak lima wabak aktif HFMD dilaporkan di negeri Johor. Lokasi penularan membabitkan tadika 26 wabak, taska (enam), pusat jagaan harian (lima), pra-sekolah (tiga), rumah per-

sendirian (dua) dan sekolah rendah (satu)," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Jelas Tian Soon, HFMD disebabkan Enterovirus dengan majoriti kes disebabkan Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV71) yang merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh (blister) dan najis pesakit.

"Kebiasaan jangkitan adalah ringan dengan gejala demam diikuti ruam melepuh pada tangan, kaki, mulut dan lidah. Hampir kesekeluruhan pesakit yang menghidap penyakit HFMD pulih tanpa rawatan dalam masa tujuh ke 10 hari," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

KKM peruntuk RM9.6 juta baik pulih 39 klinik daif di Kelantan



DR ZALIHA

KOTA BHARU - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti 39 klinik di seluruh Kelantan di kategorikan sebagai klinik daif untuk kerja baik pulih tahun ini melibatkan peruntukan bernilai RM9.6 juta.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, ia melibatkan sebanyak 18 klinik kesihatan dan 13 klinik pergigian.

Menurutnya, KKM juga telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Projek Pembaikan Klinik dan Fasiliti Daif yang berperanan untuk me-

antau pelaksanaan projek di setiap negeri.

"Menerusi lawatan kerja ke Kelantan tempoh hari, saya berpeluang meninjau sendiri keadaan beberapa buah klinik daif berkenaan.

"Semoga segala perancangan projek berjalan lancar demi kesselesan petugas kesihatan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat, Malaysia. Doakan semoga segala usaha kami dipermudahkan," katanya menerusi hantaran di Facebook, pada Isnin. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : NEGERI

Penyakit HFMD meningkat di Johor

JOHOR BAHRU - Johor Bahru mencatatkan bilangan kes tertinggi bagi penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) di Johor apabila mencatatkan sejumlah 607 kes pada minggu epidemiologi ke-22.

Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, jumlah kes tersebut meningkat 1.3 kali ganda berbanding minggu epidemiologi yang lalu.

"Secara keseluruhannya, kumulatif kes HFMD di negeri ini menunjukkan sebanyak 1,656 kes dengan Johor Bahru merekodkan 607 kes diikuti Tangkak (204), Kota Tinggi (167), Batu Pahat (144), Kluang (136), Segamat (121), Pontian (104), Kulai (101), Muar (67) dan lima kes

di Mersing.

"Di Johor, kebanyakan kes HFMD berlaku dalam kalangan bayi dan kanak-kanak berumur 0-6 tahun iaitu sebanyak 1,293 kes, diikuti oleh kumpulan umur 7-12 tahun (202 kes) dan selebihnya berumur lebih daripada 13 tahun.

"Sehingga tempoh itu sebanyak lima wabak aktif HFMD dilaporkan di negeri Johor. Lokasi penularan wabak HFMD di Johor sehingga kelmarin membabitkan tadika (26 wabak), air liur, cecair lepuh (*blister*) dan najis pesakit,



TIAN SOON

harian (lima), pra sekolah (tiga), rumah persendirian (dua) dan satu wabak bagi sekolah rendah," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sementara itu, Tian Soon berkata, penularan penyakit HFMD adalah disebabkan oleh *Enterovirus* dengan majoriti kes disebabkan oleh *Coxsackie*, *Virus A16* dan *Enterovirus 71* (EV71).

Katanya lagi, virus ini merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh (*blister*) dan najis pesakit.

"Gejala demam diikuti ruam melepuh pada tangan, kaki, mulut dan lidah, namun difahamkan hampir keseluruhan pesakit HFMD berjaya pulih tanpa rawatan dalam masa tujuh ke 10 hari.

"Bagaimanapun, jangkitan EV71 boleh menyebabkan komplikasi teruk seperti *encephalitis*, *pulmonary edema* dan *myocarditis*.

"Selain itu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menegaskan agar semua pengusaha institusi mengambil langkah berjaga-jaga mengurangkan risiko jangkitan memandangkan kebanyakan penularan berlaku di institusi penjagaan kanak-kanak," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Perluas klinik maya atasi kesesakan hospital

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM,
ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN
dan MUHAMMAD ARIF CHE SOH
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memperluaskan lebih banyak pelaksanaan sistem klinik maya sebagai usaha mengurangkan kesesakan di klinik dan hospital kerajaan terutama bagi kes-kes bukan kecemasan.

Pesakit yang boleh menggunakan perkhidmatan tersebut ialah mereka yang mempunyai rekod rawatan sedia ada dengan hospital dan bukannya pesakit baharu.

Ini termasuk pesakit yang menunggu semakan keputusan makmal selain penjagaan pesakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi atau penyakit kronik lain yang stabil serta mempunyai janji temu untuk pemantauan berterusan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pada masa ini lebih 300 klinik di hospital-hospital kerajaan mengaplikasikan sistem klinik tersebut selepas ia mula dilancarkan pada 2019 ketika tempoh pandemik Covid-19.

Menurut beliau, inisiatif berkenaan merupakan salah satu langkah mendigitalisasi sistem kesihatan negara yang mana pesakit tidak perlu hadir secara fizikal untuk tujuan konsultasi atau pemeriksaan susulan.

"Pandemik Covid-19 telah membuatkan kita terfikir mengenai digitalisasi seperti klinik *virtual* ini dengan menunjukkan bahawa kita boleh beri nasihat pesakit dari jauh.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Perluas klinik maya atasi kesesakan hospital

Dari muka 1

"Jadi kita mahu perluaskan sistem klinik *virtual* ini dan setakat sekarang ini lebih 300 klinik menggunakan kaedah ini sekali gus boleh mengurangkan kesesakan hospital dan menjimatkan masa," katanya di sini semalam.

Menurut Garis Panduan Pelaksanaan Klinik *Virtual* yang dikeluarkan KKM, sistem ini merupakan satu perkhidmatan kesihatan secara *virtual*, langsung *live* dan interaktif yang dirancang merangkumi khidmat nasihat doktor, pendidikan kesihatan dan pelan rawatan antara anggota kesihatan dan pelanggan.

Ia ditawarkan sebagai alternatif kepada perkhidmatan pesakit luar sedia ada di hospital untuk memudahkan pelanggan mendapatkan perkhidmatan kesihatan sekali gus dapat menjimatkan masa dan kos pengangkutan serta mengurangkan sesi lawatan ke hospital.

Kesesakan di hospital boleh dikurangkan yang bukan sahaja berpunca dari lawatan pesakit, malah dari keluarga atau teman yang mengiringi pesakit untuk hadir ke klinik mendapatkan rawatan susulan.

Pesakit klinik maya hanya perlu menunggu dalam tempoh slot yang ditetapkan dalam penyelesaian ruang privasi sendiri.

Dr. Zaliha sebelum ini mengumumkan tujuh langkah untuk mengurangkan kesesakan terutama di Jabatan Kece-

masan dan Trauma di seluruh negara antaranya, pengauditan dalaman dan meneliti semula keberkesanan sedia ada dalam KKM; Memperkasakan Inisiatif *Lean Healthcare* dan pelaksanaan projek *Short Stay Unit*.

Selain itu KKM juga akan melaksanakan pendigitalan unit pengurusan katil (BMU) secara berpusat Secara Berpusat Melalui Sistem CPRC Hospital; bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta melalui kaedah penyumberluran serta merawat kes bukan kecemasan dialihkan ke klinik kesihatan dan melanjutkan operasi klinik kesihatan.

Projek rintis yang dilaksanakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) dan Klinik Kesihatan Bandar Botanik (KKBB) di Klang mencatatkan penurunan sebanyak 54 peratus kedatangan

pesakit zon hijau (bukan kecemasan) ke Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR.

Dalam pada itu, Dr. Zaliha berkata, sistem perkhidmatan farmasi secara digital turut diperluaskan iaitu kaedah penghantaran ubat melalui pos bagi memudahkan pesakit mendapatkan bekalan ubat susulan tersebut dengan lebih cepat dan mudah.

"Ini antara perkara untuk memperbaiki sistem kesihatan ke arah digitalisasi. Pemberian bekalan ubat kita gunakan kaedah baharu seperti pos dan ada juga diletakkan di masjid-masjid.

"Kita sediakan rak di masjid-masjid terpilih dan pesakit berkaitan ambil ubat itu. Ini memang ada tetapi belum diimplementasi secara meluas," katanya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : DALAM NEGERI

Ambil tindakan kedai rokok, vape jual kepada pelajar

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL,
MARLLISA ANNTONY
dan FITRI NIZAM
fitri.nizam@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kedai rokok dan vape perlu dikenakan tindakan tegas jika didapati menjual produk tembakau serta nikotin kepada pelajar berusia 18 tahun ke bawah sebagai langkah membendung isu tersebut terus 'membarah' dalam kalangan remaja di negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof. Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan berkata, gejala merokok dalam kalangan pelajar membuktikan bahawa usaha dilaksanakan sebelum ini tidak berkesan.

Menurutnya, selain golongan terabit langsung tidak memperdulikan kesihatan dan masa depan mereka, keputusan kerajaan yang bercanggah juga petanda tidak baik dalam isu tersebut.

"Sebagai contoh, kita mahu Malaysia bebas asap rokok namun kerajaan melaksanakan cukai terhadap cecair vape. Langkah itu tidak selari dengan sasaran."

"Selain itu, PIBGN menggesa supaya agensi bertanggungjawab memperkasa dan memperhebatkan lagi penguatkuasaan serta pemantauan di kedai rokok dan vape yang menjual produk tersebut kepada pelajar sekolah."

"Ambil tindakan tegas terhadap mereka agar mendatangkan kegenteran kepada yang lain supaya tidak mengingkari peraturan sedia ada," katanya.

Semalam, *Utusan Malaysia* menedahkan terdapat lebih 43,000 pelajar sekolah dikesan menghisap rokok hasil

saringan terhadap 1.3 juta pelajar sekolah menengah tahun lalu.

Jumlah itu turut meliputi 341 murid sekolah rendah dikenal pasti sudah mula menggunakan produk rokok daripada sejumlah dua juta murid menjalani saringan yang dilaksanakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sekolah-sekolah terpilih seluruh negara.

Mengulas lanjut, Mohamad Ali berkata, kerajaan perlu mempertingkatkan langkah pencegahan supaya dapat membendung lebih awal isu ini daripada terus menjadi semakin serius jika tidak ditangani segera.

"Kempen anti rokok yang lama perlu diperbaharui dengan menyelitikan juga kempen anti vaping."

"Pemantuan di pekarangan sekolah dan port lepak pelajar juga perlu dilaksanakan supaya dapat membendung isu ini lebih awal selain memberikan bantuan pemulihan kepada mereka yang sudah terpengaruh," katanya.

Selain itu, beliau menasihatkan supaya ibu bapa dan guru menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak serta pelajar supaya golongan tersebut tidak terjebak dalam masalah ketagihan merokok.

"Jika ibu bapa atau guru-guru pun merokok ia akan mempengaruhi golongan berkenaan. Kalau nak cegah, buat betul-betul, jangan separuh," katanya.

Beli rokok RM1 sebatang di kedai tepi jalan

GEORGE TOWN: Pelajar boleh membeli sebatang rokok pada harga RM1 di kedai-kedai runcit di tepi jalan di negeri ini meskipun perkara itu bertentangan dengan undang-undang.

Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), N.V. Subbarow berkata, kebebasan menjual peranti rokok elektronik atau vape yang sebahagiannya mengandungi nikotin yang turut dibeli pelajar sekali gus boleh mendorong mereka menghisap rokok.

Katanya, CAP masih menerima aduan daripada ibu bapa yang mana pelajar-pelajar boleh membeli sebatang rokok

pada harga RM1 di kedai-kedai runcit di tepi jalan.

"Menghisap rokok dan vape ketika ini menjadi gaya hidup buat golongan pelajar dan belia dan adalah sesuatu yang lumrah ketika ini untuk melihat anak-anak muda berjalan ke mana-mana dengan menghisap vape atau membeli produk vape dan rokok yang mengandungi nikotin," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Subbarow berkata, kerajaan perlu mengambil langkah drastik sekiranya benar-benar mahu mengekang gaya hidup merosakkan dalam kalangan

pelajar dan belia itu antaranya dengan menaikkan harga dan cukai rokok.

Jelas beliau, kali terakhir cukai rokok dinaikkan adalah kira-kira tujuh tahun lalu dan bukti menunjukkan kenaikan harga dan cukai rokok dapat mengekang perokok untuk meneruskan tabiat mereka itu seterusnya mendorong mereka untuk berhenti merokok.

"Kesannya, perokok tegar akan berfikir panjang untuk membeli sekotak rokok berikutan harganya tinggi selain menganggapnya barangan mewah atau eksklusif yang sukar atau mustahil diperoleh," ujarnya.

Sediakan persekitaran bebas rokok bagi generasi akan datang

PETALING JAYA: Ambil langkah bertanggungjawab pada hari ini bagi menyediakan persekitaran bebas asap rokok bagi anak-anak dan generasi akan datang.

Perubahan hanya boleh dilihat sekiranya setiap individu mengambil inisiatif sendiri

untuk berhenti merokok dan ingin membawa perubahan bagi generasi masa hadapan.

Pakar Kesihatan Komuniti Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, perubahan boleh dibawa dan ia bermula daripada keluarga sendiri.

"Kebanyakan anak-anak mula merokok dari usia yang muda lagi kerana melihat ibu bapa mereka merokok terus-menerus, perubahan boleh dibawa dan ia bermula daripada keluarga sendiri."

"Ini bukan sahaja mampu mengelak mereka daripada ketagihan tetapi menjaga kesihatan anak-anak terutamanya yang menghidapi asma."

"Perokok bukannya tidak sedar bahawa perkara tersebut berbahaya bagi kesihatan sendiri dan orang sekeliling tetapi disebabkan oleh ketagihan mereka tidak mampu berhenti," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menurut Sharifa, banyak kawasan sudah diwartakan sebagai kawasan dilarang merokok termasuk kedai makan kerana dikhuatiri akan memberi kesan kepada orang lain.



"Namun, masih ramai melakukannya tanpa menghiraukan kesihatan dan kesejahteraan orang sekeliling, malah, pengusaha kedai makanan juga takut menegur pelanggan mereka."

"Banyak kes pengusaha kedai menjadi viral kerana dilihat seperti berkisar dengan pelanggan walaupun cerita sebenarnya di belakang kamera adalah berbeza, namun pelanggan sentiasa diutamakan."

"Jadi, kedai makan hanya meletakkan tanda dilarang merokok sahaja, kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab harus melakukan yang terbaik dengan mengikut peraturan yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, inspektor kesihatan atau pihak yang bertanggungjawab dalam isu ini ada melakukan rondaan tetapi mereka juga kekurangan kakitangan jadi sudah pasti bukan semua yang merokok di kawasan awam ditangkap.

KERAJAAN perlu mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjual vape atau rokok kepada pelajar berusia 18 tahun ke bawah.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

Vaksin Covid-19 Malaysia dipasarkan pada 2030

Oleh FITRI NIZAM
fitri.nizam@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Dua jenis vaksin Covid-19 buatan Malaysia yang sedang dibangunkan dijangka berada di pasaran menjelang tahun 2030.

Kedua-duanya kini di peringkat fasa pertama ujian praklinikal ke atas haiwan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, pada masa ini Malaysia sedang membangunkan dua vaksin Covid-19 di peringkat pene-
muan vaksin.

"Terdapat dua jenis vaksin Covid-19 yang sedang dibangunkan iaitu vaksin berasaskan platform virus ternyahaktif dan vaksin yang berasaskan platform Messenger Asid Ribonukleik (mRNA).



AMINUDDIN HASSIM

"Kajian melibatkan calon vaksin Covid-19 yang berasaskan platform virus ternyahaktif ia masih pada peringkat kajian pra-klinikal ke atas haiwan. Jangkaan kajian ini diselesaikan pada Disember tahun ini.

"Dari segi penghasilan calon vaksin Covid-19 berasaskan platform mRNA, ia memerlukan

proses penambahbaikan untuk memastikan calon vaksin tersebut dapat menjana protein yang secukupnya supaya analisis peringkat kajian pra-klinikal ke atas haiwan dapat diteruskan.

"Dijangkakan calon vaksin Covid-19 mRNA akan menjalani kajian pra-klinikal ke atas haiwan pada tahun 2024," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, fasa klinikal bagi kedua-dua calon vaksin tersebut virus akan bergantung kepada keputusan kajian praklinikal ke atas haiwan.

"Bagaimanapun, setelah kajian klinikal selesai, produk vaksin ini memerlukan kelulusan regulatori dan perlu mengenal pasti syarikat pengeluar vaksin.

"Kerajaan turut menyasarkan vaksin ini akan berada di pasaran menjelang tahun 2030 setelah kualiti, keselamatan dan efikasi vaksin tersebut di-

luluskan oleh NPRA," ujarnya.

Pada 2021, MOSTI telah memperuntukkan hampir RM60 juta untuk penyelidikan dan pembangunan vaksin Covid-19 tempatan untuk mengurangkan ketergantungan terhadap bekalan vaksin dari negara lain.

Daripada peruntukan itu, RM54 juta diperuntukkan kepada Institut Genom Malaysia manakala RM2.5 juta untuk pasukan penyelidikan membangunkan vaksin menggunakan teknologi mRNA.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, pembangunan vaksin manusia adalah kompleks dan mengambil masa kira-kira 10 hingga 15 tahun untuk membangunkan calon vaksin baru.

Katanya, kos pengeluaran vaksin juga berbeza-beza mengikut platform dan kerumitan persediaan selain melibatkan proses serta regulatori kerajaan yang perlu dipatuhi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : RENCANA

14

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 6 JUN 2023

Rencana

Tekad tamatkan generasi perokok

MUKADIMAH

"SANGAT-SANGAT mencabar berada di sini," ujar **DR. ZALIHA MUSTAFA** sebaik sahaja ditanya pengalamannya menerajui Kementerian Kesihatan (KKM) dalam tempoh enam bulan ini.

Beliau yang kali pertama menang dalam pilihan raya umum (PRU) tidak menyangka dilantik sebagai menteri apatah lagi dipilih menerajui kementerian kedua terbesar dan terpenting selepas Kementerian Pendidikan.

Mempunyai 40 bahagian dalam kementerian ini bukan mudah dalam menyantuni kumpulan sasar di semua peringkat. Namun, latar belakangnya sebagai pengamal perubatan sangat membantu untuk memahami masalah yang berlaku sekali gus memberikan pandangan terbaik.

Kepada wartawan *Utusan Malaysia*, **MAISARAH SHEIKH RAHIM**, **ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN** dan **MUHAMMAD ARIF CHE SOH** bersama jurugambar, **MOHD. FAISOL MUSTAFA** dan juruvideo, **MOHD. FIKRI FADZIL** di pejabatnya Jumaat lalu, beliau berkongsi tekad dalam membawa misi besar dalam reformasi kesihatan negara selepas melalui episod hitam Covid-19, menerusi Kertas Putih Kesihatan dan meneruskan perjuangan dasar generasi penamat rokok (GEG) demi melindungi generasi muda daripada terjebak rokok.



NAIK TARAF KEMUDAHAN KESIHATAN DAIF
UTUSAN: Apakah fokus selepas pandemik Covid-19?
DR. ZALIHA: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) buat keputusan Covid-19 bukan lagi kategori kecemasan kesihatan global. Bagi saya dalam tiga tahun berdepan pandemik, kita hanya fokus Covid-19 tetapi penyakit kebiasaan seperti penyakit tidak berjangkit (NCD) itu agak terlepas pandang. Kesesakan hospital itu adalah kerana NCD ini datang balik, namun bukanlah penyebab utama.

NCD juga kita nampak meningkat mungkin kerana faktor pemakanan, sosial dan umur termasuk dalam kalangan individu muda. Selain itu, isu legasi iaitu kemudahan daif. Masa Covid-19, orang lupa mengenai perkara itu.

Isu kemudahan daif ini amat penting juga kerana kita mahu berikan rawatan terbaik, jadi perlu berikan kemudahan yang baik. Ada antara kemudahan berusia lebih 50 tahun, orang nak pergi pun takut kerana ada pelbagai masalah pada bangunan itu.

Kita mahu fokuskan tentang kemudahan daif ini kerana kita sudah ada pekerja, doktor dan jururawat, kita hanya perlu naikan taraf berbanding kalau nak bina hospital baharu yang perlu difikirkan keseluruhannya. Kita akan cuba untuk

fokuskan pada isu ini dalam setahun dua ini.

PENDEKATAN MENDIDIK PELAJAR
Boleh jelaskan kenapa penambahbaikan rang undang-undang (RUU) yang berkaitan GEG masih belum dibentangkan di Parlimen?

Bekas menteri telah membawa RUU Kawalan Produk Tembakau. Ia telah capai bacaan kali kedua dan dibawa kepada jawatankuasa khas. Jawatankuasa itu mencadangkan beberapa peningkatkan baharu untuk diubah dalam RUU dibawa pada ketika itu, namun tidak sempat kerana Parlimen bubar.

Bila saya masuk (jadi menteri), memang itu perkara yang ditanya media dan orang ramai. RUU ini istimewa kerana tidak bersifat politik tetapi lebih fokus kepada kesihatan awam. Sesiapa sahaja menteri, dia perlu bawa perkara ini. Saya anggap ini sebagai cabaran.

Perubahan dalam RUU ini adalah pada beberapa bahagian. Pertama sekali, topiknya juga berubah daripada RUU Kawalan Produk Tembakau kepada RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam.

Kohort yang terlibat mencadangkan tahun 2005, tetapi jawatankuasa pada masa itu tukar kepada 2007 supaya kita ada *soft landing* (berperingkat). Kohort itu tukar untuk kanak-kanak

yang lahir pada 1 Januari 2007. Selain itu, aspek pengilangan, pengagihan serta penguatkuasaan.

Ada juga disebut, yang membimbangkan adalah pemeriksaan pada tubuh badan terutama untuk anak-anak perempuan. Kita ada cadangan baharu iaitu pemilihan itu, kita tidak ambil tindakan tetapi kalau kita nampak dia merokok baru diambil tindakan.

Jika dahulu kompaun yang dicadangkan adalah RM5,000 tetapi sekarang adalah RM500. Ada kebaikan dan keburukannya tetapi kita ambil pendekatan untuk mendidik anak-anak untuk menggunakan produk berkenaan. Tindakan ini lebih mendekati dan tidak

patut dianggap sebagai jenayah. Kita mahu didik anak-anak supaya mereka tahu tindakan ini membawa kesan buruk kepada mereka.

Semakin banyak produk merokok dijual di Malaysia. Bagaimana kita nak uruskan perkara ini memandangkan industri itu juga memerlukan pendapatan?

Kita tengok golongan hisap rokok berkurang tetapi vape meningkat. Ini kerana vape lebih menarik dengan warna, bentuk dan baunya membuatkan kanak-kanak mahu mencuba. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan penjualan di luar sekolah, jadi ini membuktikan usaha untuk menghentikan perkara ini merentas kementerian.

Kita mulakan pendidikan itu dengan kanak-kanak yang kita sudah jalankan program Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok (KOTAK).

Ini menarik kerana kita bekerjasama dengan pihak sekolah. Doktor gigi datang ke sekolah dan mengesan anak-anak yang merokok dengan perubahan pada gigi dan mulutnya juga. Bila kita jumpa, kita boleh memberikan kit serta pendidikan tentang bahaya rokok.

Tahun lepas kita ada buat saringan di sekolah rendah dan sekolah menengah dan bagi sekolah rendah kita mengenal pasti 341 pelajar merokok daripada dua juta jumlah saringan. Bagi sekolah menengah, kita saring 1.3 juta



DR. Zaliha Mustafa ketika di temu bual wartawan *Utusan Malaysia*, **Maisarah Sheikh Rahim** (tiga dari kanan), **Zareen Humairah Sejahan** dan **Muhammad Arif Che Soh** di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : RENCANA

pelajar dan jumlah pelajar merokok adalah seramai lebih 43,000. Itu yang kita amat bimbang. Kita mahu mendesak supaya RUU kita dapat bantukan dalam sesi Parlimen akan datang ini dan harapkan diluluskan supaya kita dapat laksanakan.

RUU PENTING BAGI KAWAL PENGGUNAAN VAPE
Bagaimana pula kekeliruan mengenai membenarkan penggunaan vape sedangkan kita mahu melaksanakan GEG?

Sebab itu sebenarnya, kita sedar dalam pembentangan belanjawan hari itu, kerajaan mahu kenakan dan meletakkan duit ekseseis pada produk vape, itu adalah prosesnya. Kita tidak kata itu adalah tindakan yang baik tetapi kita sebagai kementerian yang menjaga kemashlahatan rakyat, kita mahu RUU dapat dilakukan dengan cepat untuk mengawal produk untuk anak-anak ini.

Apakah halangan RUU ini?

Kita ada halangan, namun sangat minimum dalam kalangan industri ini. Apa yang paling penting, RUU ini dibawa ke Parlimen. Kita sudah jumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk terangkan kepada beliau bahawa RUU ini berbeza dengan yang dahulu dan kepentingannya. Kita juga berjumpa dengan ahli-ahli Parlimen merentas blok serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Setakat yang kita tengok ini, memang besar kemungkinan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam ini akan mendapat majoriti, ia akan dibentangkan Jun ini.

TAMBAH BELANJAWAN KESIHATAN AWAM
Apakah inti pati Kertas Putih Kesihatan yang paling besar sebagai indikasi reformasi sistem kesihatan negara?

Memang satu perkara yang besar, sebuah pelan yang kita rancang sehingga 15 tahun dengan tiga tonggak utama Kertas Putih itu.

Pertama, mengenai fasiliti daif, digitalisasi dan kakitangan kesihatan; manakala tonggak kedua adalah promosi penjagaan primer yang juga penting dan besar. Kalau kita tengok hospital kita sesak, masa menunggu lama dan perlu

Besar kemungkinan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam ini akan mendapat majoriti, ia akan dibentangkan Jun ini."

bina hospital baharu kerana penawaran dan permintaan. Alangkah baiknya kalau rakyat sihat, semua masalah ini boleh berkurang.

Kemudian kita perlu tengok juga pada bahagian belanjawan. Susulan peningkatan jumlah pesakit, saya cadang untuk menambahkan belanjawan kepada kesihatan awam. Sektor kesihatan dapat 2.2 peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), jadi memang tidak cukup kerana banyak perkara

yang kita hendak buat tetapi sekiranya kita boleh dapat lebih. Cadangan daripada negara berpendapatan sederhana macam kita, memerlukan lima peratus daripada keseluruhan KDNK untuk yang terbaik.

Lambakan vaksin Covid-19?

Keadaan pandemik semakin tenang, kita dalam transisi endemik dan peningkatan kes juga bergantung ketika musim perayaan dan sebagainya. Kes kategori tiga, empat dan lima ini hanya berlaku pada warga emas dan juga mereka berpenyakit komorbid (individu yang menghidap dua atau lebih penyakit yang tidak berkaitan secara serentak).

Pengambilan dos penggalak itu saya boleh katakan masih rendah, dos penggalak kedua lebih rendah. Ini mungkin kerana ramai yang semakin lega tetapi saya sebut Malaysia masih dalam kawasan jangkitan tempatan sehingga 30 Jun ini. Dalam pertengahan Jun ini, kita akan menilai semula sama ada kita akan tamatkan atau tidak.

Harap JPA sambung pekerja kesihatan kontrak

Apakah status bagi isu perjawatan pekerja kesihatan yang diambil ketika pandemik?

Sebenarnya kita sudah hantar perjawatan mereka ini di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Setakat ini mereka masih di situ dan tidak dibuang. Pada masa ini, kita harap perjawatan mereka diluluskan. Kita dapat kumpulkan jumlah keseluruhannya adalah seramai 11,000.

Itu bermula daripada mogok doktor kontrak, saya telah bawa kepada Kabinet dan saya bentangkan statistik dan akhirnya mereka faham perkhidmatan kesihatan ini dalam keadaan mendesak.

Kita punya pertemuan dengan JPA dan Kementerian Kewangan memang kita bawa juga

isu gaji dan elaun doktor on-call.

JANGAN PADAM MYSEJAHTERA
Bagaimana dengan aplikasi MySejahtera yang tidak digunakan lagi dan didakwa wujud isu kebocoran data?

MySejahtera akan diperluaskan penggunaannya, saya boleh kata aplikasi ini adalah *superapp* yang banyak membantu, dari sudut pemilikannya kita sudah perhalusi, saya belum boleh umumkan tetapi kita akan bawa kepada jemaah menteri untuk kelulusan. Ia termasuk isu kebocoran data. Jangan padam lagi aplikasi itu kerana setakat sekarang sudah ada 18 modul dimasukkan dalam MySejahtera.



BILANGAN penghisap vape dalam kalangan pelajar sekolah meningkat kerana mereka tertarik dengan warna, bentuk dan baunya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Consumed by fast foods

Inactivity and poor self-care hurting teenagers' health

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: For 25-year-old Ahmad, instant noodles is a staple dish and he has it for dinner or lunch at least two to three times a week.

"I started eating instant noodles when I was nine. It is an easy meal and easily available, and that is what we ate most of the time after school as our parents were working.

"By the time I was in university, it had become a staple to save money, and also because it is easy to cook," he said.

Now working as a content writer, Ahmad said the habit is hard to kick as it started when he was a child. He still turns to instant noodles regularly for a quick meal as it is hassle-free and cheap.


The National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2022 on Adolescents Health Survey found that one in 10 teenagers eats fast food at least three times a week.

The survey found that four in five do not eat enough fruits and vegetables while one in three consumes carbonated drinks every day. Aside from that, one in three respondents was overweight.

As for physical activities, four in five were physically inactive while two in three were mostly sedentary.

The report surveyed over 33,000 teenagers aged between 13 and 17 years from June 12 to July 8, 2022.

Universiti Kebangsaan Malaysia health economics and public health specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said the NHMS findings on teenagers is



similar to the trend among adults, where poor self-care and unhealthy lifestyles are prevalent.

"All this processed food, sugary items, unhealthy lifestyle habits such as smoking are main contributors to non-communicable diseases such as diabetes, hypertension, heart problems, stroke and cancer. Some youngsters are

pre-diabetic without them even knowing it," she said.

However, Prof Dr Sharifa Ezat said some are aware of the consequences of their lifestyle, but the options are limited for them "to make changes.

"They don't have the money to go to gyms as these require payment, so it is not feasible for youngsters," she said.

On what can be done, she said the government should incentivise schools to organise activities to promote a healthy lifestyle such as through sport.

As for food, she said it is important that healthy food is sold at an affordable rate in schools and colleges. She noted that access to nutritious and healthy fruits can sometimes be limited as these are often costly.

Prof Dr Sharifa Ezat also said a sugar tax would be another way to go, as excessive intake of sugary food could lead to diabetes, hypertension and cancer.

Calling the findings alarming, community dietitian Fiona Lai said there needs to be more attention from the government, policy makers and parents.

She said one experiences biological emotional and cognitive changes during their teens, hence proper nutrition is essential to support growth and reduce the prevalence of chronic diseases, while improving the quality of life.

Other underlying problems that could come from unbalanced meals are insufficient calcium and vitamin D intake for bone growth, vision and brain development.

Lai said some of the possible reasons that could lead to poor dietary habits among teenagers are eating out often, making their own food choices, poor knowledge about healthy eating, peer influences, parents having no time to prepare meals or packed schedules.

She said fruits and vegetables should also be accessible at school canteens. Families should also make it a habit to include fruits and vegetables in their diet.

Teens look to inner circle for healthy role models

By MAHADHIR MONIHULDIN
mahadhir@thestar.com.my

PETALING JAYA: Teenagers are taking their parents or older siblings and friends as role models when it comes to staying fit and having a healthy lifestyle.

Armand (not his real name), 15, said his elder brother has been his source of inspiration on living healthy.

"He took me to the gym and taught me how to use the equipment there," he said.

Since then, Armand has made it a point to visit the gym three times a week, and even introduced the habit to his friends.

"I enjoy working out with my friends and we encourage each other to achieve our fitness goals," he said.

Recalling the days when he used to indulge on fast food, the teenager said although he looked slim, he carried a high level of body fat.

"My brother eats a lot of vegetables and fruits at home, so I tend to follow his diet. I hated it initially but my brother kept encouraging me to keep at it.

"Now, exercising and eating healthy have become part of my life," said Armand.

As a primary pupil weighing 80kg, Luck (not his real name) used to be teased in school.

Annoyed by the name-calling, he decided to change his appearance when he went to secondary school.

"I started jogging and spent more time playing basketball," he said.

Now 16, Luck has an athletic body and actively participates in sports.

"I am feeling good and more confident," he said.

Luck thanks his coach and his basketball mates from the neighbourhood.

"They are all working adults in their 30s. They invited me to play with them and encouraged me to stick to my weight loss goals."

Abiramy, 17, has followed in her father's footsteps and is also into running.

"He is a marathon runner and my guiding force on staying healthy.

"My father also influenced me when it comes to eating healthy," she said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Increase in HFMD cases in Johor

JOHOR BAHRU: The number of hand, foot and mouth disease (HFMD) cases in Johor has increased to 320 cases during the 22nd epidemiological week from May 28 to June 3, compared with the previous week.

State Health and Unity Committee chairman Ling Tian Soon said the cumulative number of HFMD cases in the Johor Bahru district was the highest at 607, followed by Tangkak with 204, Kota Tinggi with 167 and Batu Pahat with 144. Kluang had 136, Segamat posted 121, Pontian had 104, Kulai registered 101, while Muar had 67 and Mersing recorded five cases.

"Some 1,293 HFMD cases occurred among children aged six and below, while children aged between seven and 12 accounted for 202 and those over 13 years old made up the balance."

He said HFMD cases in the state were found at 26 kindergartens, six nurseries and five daycare centres, while preschools accounted for three of the outbreak locations, private homes accounted for two, with one primary school involved.

Ling urged residents in Johor to take necessary preventive measures to stop the spread of the disease.

"Parents are advised not to take children with symptoms to crowded public places, such as swimming pools, markets, shopping centres and bus stations."

- Bernama